



DR. MAHATHIR

Cukai kastam bertambah Kejayaan pagar di batas

PADANG BESAR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed berkata, Kerajaan akan memajukan lagi pembinaan pagar sempadan Malaysia-Thai dalam usaha mencegah penyeludupan.

Katanya, Kerajaan akan membelanjakan \$1.2 juta bagi tujuan tersebut iaitu untuk menyambungkan pagar yang sedang dalam pembinaan sekarang dari Padang Besar ke Changloon, Kedah, Datuk Seri Dr. Mahathir

Mohamed memberitahu demikian kepada para pemberita di sini selepas melawat pagar sempadan hari ini. Sebelum itu beliau telah melawat kawasan pagar sempadan di Chuping.

Turut bersama beliau ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassani, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Tanah, Datuk Harun Ariffin dan pegawai-pegawai tinggi Kastam dan Imigresyen Malaysia.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, sejak pembinaan pagar sempadan Kerajaan telah memperolehi cukai kastam empat kali ganda di Padang Besar dan satu setengah kali ganda di Changloon, Kedah.

Pembinaan pagar sempadan Malaysia-Thai yang bermula tahun lalu menelan belanja \$4 juta bermula dari Padang Besar ke Bukit Kayu Hitam, Changloon di Kedah iaitu sepanjang 17 batu.

Beliau berkata setakat ini sejauh lima batu pagar tersebut telahpun siap.

Katanya lagi, dengan pembinaan pagar sempadan itu juga telah dapat mengawal kegiatan penyeludupan di kawasan tersebut.

Kerajaan juga akan menubuhkan langkah-langkah untuk mengawal kegiatan penyeludupan, tambahnya.

Mengenai pembinaan pagar sempadan itu Timbalan Perdana Menteri menegaskan hanya bertujuan untuk mencegah kejadian penyeludupan dadah dan senjata ke negara ini.

Katanya langkah tersebut diambil tidak melibatkan peniaga-peniaga kecil yang bekerja mencari nafkah di situ.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga sebelum itu melawat Pekan Padang Besar di sebelah Thai-Malaysia untuk meninjau keadaan di kawasan itu.

No. Siri: 1264

No. Pen: 935/80